



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN PUPUK SEMANGAT PERPADUAN KOMUNITI

KEPONG, 5 Februari – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyertai 3,000 penduduk parlimen Kepong untuk sama-sama di dalam penganjuran program kenduri rakyat yang diadakan di Padang Bola Sepak, Jinjang Utara, Kepong hari ini.

Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan yang merupakan *signature* program anjuran Kementerian Wilayah ini sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Program ini amat memberi impak yang positif kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam jalinan ukhwah dan menyatupadukan pelbagai kaum di parlimen tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program berlangsung seperti senamrobik, pertandingan mewarna kanak-kanak tadika dan sekolah rendah, pertandingan pakaian tradisional, sukaneka, pertandingan gubahan dan banyak lagi. Selain itu, pemberian sumbangan daripada Persatuan Penjaja Kepong turut diberikan kepada warga emas dan fakir miskin sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mensejahterakan penduduk di Parlimen Kepong melalui pelaksanaan inisiatif perumahan mampu milik dengan membina RUMAWIP Residensi Kepongmas di Taman Metropolitan sebanyak 1,514 unit

rumah dengan harga serendah antara RM188 ribu ke RM198 ribu seunit. Projek ini dijangka siap pada tahun 2019.

Selain itu, parlimen Kepong juga bakal menikmati sistem pengangkutan awam yang lebih efisien melalui Projek MRT Line 2 di mana Stesen MRT dibina di Jalan Kepong bagi laluan menghubungkan Sungai Buloh ke Putrajaya.

Konsep pelaksanaan program ini adalah dengan kerjasama daripada Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan-Persatuan Penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk serta Dewan-Dewan Perniagaan sekaligus dapat berkongsi kos penganjuran program. Dengan ini Kementerian dapat melaksanakan penjimatan kos dalam penganjuran program.

Diharapkan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga kota.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
5 Februari 2017